

FAKTA TIP

- ◆ Orang yang diperdagangkan adalah merupakan mangsa
- ◆ Mangsa dieksploitasi untuk keuntungan orang lain
- ◆ Boleh terjadi di dalam atau di luar negara
- ◆ Boleh berlaku dalam kalangan warganegara tempatan atau warganegara asing
- ◆ Kesalahan melanggar hak asasi manusia



FAKTA SOM

- ◆ Migran yang diseludup adalah pesalah imigresen dan bukannya mangsa
- ◆ Migran memasuki sesebuah negara asing tanpa melalui jalan yang telah ditetapkan
- ◆ Melibatkan elemen rentas sempadan
- ◆ Hanya berlaku dalam kalangan warganegara asing yang diseludup masuk ke dalam sesebuah negara asing
- ◆ Kesalahan imigresen dan pencerobohan ke atas sesebuah negara



Sebarang aduan dan maklumat boleh disalurkan kepada talian:

Tel : 03-8000 8000
Emel : mapo_tip@moha.gov.my

Sumber
Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO)
Kementerian Dalam Negeri



R.010 (B.M) OGOS 2024 (120.)

TERBITAN
JABATAN PENERANGAN MALAYSIA
KEMENTERIAN KOMUNIKASI



Jabatan Penerangan Malaysia

JapenTV
@JPenerangan
Japenmalaysia
www.penerangan.gov.my
dbook.penerangan.gov.my
webmaster@inform.gov.my



PEMERDAGANGAN ORANG (TIP) & PENYELUDUPAN MIGRAN (SOM)



PEMERDAGANGAN ORANG (TIP)

Segala perbuatan merekrut, mengangkut, memindahkan, memperoleh, mengekalkan, melindungi, menyediakan atau menerima, seseorang, bagi maksud eksploitasi.

(ATIPSOM - Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007)

CARA DIPERDAGANGKAN

- ◆ Paksaan
- ◆ Penipuan
- ◆ Ancaman
- ◆ Perdayaan
- ◆ Pemelarian
- ◆ Penyalahgunaan Kuasa
- ◆ Pemberian atau penerimaan bayaran atau faedah untuk memperoleh kerelaan seseorang yang mempunyai kawalan ke atas orang yang diperdagangkan



JENIS EKSPLOITASI

- ◆ Segala bentuk eksploitasi seks
- ◆ Pengabdian
- ◆ Pemindahan organ manusia
- ◆ Kerja atau perkhidmatan paksa
- ◆ Perhambaan atau amalan yang menyerupai perhambaan
- ◆ Apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang

PENYELUDUPAN MIGRAN (SOM)

Mengatur (*arranging*), memudahkan (*facilitating*), atau merancang (*organizing*), secara langsung atau tidak langsung, kemasukan seseorang secara tidak sah ke dalam atau melalui, atau pengeluaran seseorang secara tidak sah dari mana-mana negara yang orang itu bukan warganegara atau pemastautin tetap sama ada dengan mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kemasukan atau pengeluaran orang itu adalah tidak sah; dan

Merekrut (*recruiting*), mengangkut (*conveying*), memindahkan (*transferring*), menyembunyikan (*concealing*), melindungi (*harbouring*) atau menyediakan apa-apa bantuan (*providing any other assistance*) atau perkhidmatan (*service*) bagi tujuan melaksanakan perbuatan yang disebut di atas.

(ATIPSOM - Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007)

KAEDAH PENGANGKUTAN

- ◆ Jalan Udara
- ◆ Jalan Darat
- ◆ Jalan Laut



KESALAHAN YANG SELALU DILAKUKAN OLEH ORANG AWAM

- ◆ Membantu mendapatkan perkhidmatan e-hailing
- ◆ Menyewakan premis/rumah
- ◆ Menawarkan perkhidmatan pengangkutan
- ◆ Tekong laut/darat
- ◆ Memberikan perlindungan